

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN KOTA)

TARIKH: 13 MAC 2018

MUKA SURAT: 27

123 premis di Melaka terima notis bomba

MELAKA 12 Mac - Sebanyak 123 premis daripada 971 premis yang diperiksa oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) negeri pada tahun lalu diberikan Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran.

Pengarah JBPM negeri, Kamarulzaman Malik Abdullah berkata, notis diberikan kepada pemilik atau penghuni atas pelbagai kesalahan mematuhi keselamatan kebakaran.

Justeru katanya, orang ramai diminta bertindak kepada arahan notis berkenaan kerana kesalahan melanggar peruntukan Akta Perkhidmatan Bomba (Akta 341) yang boleh dikenakan tindakan.

"Bermula pertengahan bulan ini, JBPM negeri akan melaksanakan pemeriksaan terhadap lebih

30 kediaman bertingkat di seluruh Melaka.

"Langkah ini diambil kerana undang-undang mengenai kediaman persendirian dan rumah-rumah tinggal tidak dikawal secara jelas.

"Pemerhatian juga mendapati masih ramai yang mengabaikan aspek penyelenggaraan dan pemasangan alat keselamatan," katanya dalam sidang akhbar selepas Program Lawatan Kerja Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Ismail Othman ke Ibu pejabat JBPM negeri di Bukit Katil di sini, baru-baru ini.



ISMAIL OTHMAN

Kamarulzaman berkata, selain kediaman bertingkat, pihaknya akan melakukan pemeriksaan terhadap pusat-pusat tahfiz yang beroperasi di Melaka.

Selain itu katanya, orang ramai dinasihatkan menyelenggara pendawaian kediaman yang melebihi

usia 20 tahun demi keselamatan bersama.

Dalam pada itu, sebanyak 1,171 pelan bangunan diproses oleh JBPM negeri sepanjang tahun 2017 untuk menentukan bangunan-bangunan yang di negeri ini mematuhi piawai antarabangsa berhubung keselamatan kebakaran.